

**Teks Ucapan Alu-aluan**  
**YBRS. TUAN HAJI ABD RAZAK BIN MANAF**  
**Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands**  
**Sempena**  
**Lawatan Kerja Pengarah IAB**  
**Ke IAB Cawangan Genting Highlands**  
**24 Mei 2016**

---

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih puan pengerusi majlis.

Yang Berusaha **Dr. Hj. Zainal Alam bin Hassan**,  
Pengarah Institut Aminuddin Baki.

Yang Berusaha **Dr. Faridah binti Yakob**,  
Timbalan Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands.

Pendaftar IABC GH,  
Ketua-ketua Jabatan,  
Pensyarah-pensyarah Cemerlang,  
Pegawai Cemerlang,  
Pensyarah-pensyarah Kanan,  
Staf pelaksana,

Tuan-tuan dan puan-puan warga IAB Cawangan Genting Highlands yang dihormati sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Swt kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini

di dewan yang mulia ini bagi bersama-sama meraikan kehadiran Yang Berusaha Dr. Hj. Zainal Alam bin Hassan, Pengarah, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Kami, seluruh warga IAB Cawangan Genting Highlands mengalu-alukan kedatangan Yang Berusaha Dr. ke IAB Cawangan Genting Highlands. Kami berasa amat berbesar hati dan berterima kasih atas kesudian Yang Berusaha Dr. mengadakan lawatan kerja ke IAB Cawangan Genting Highlands.

Yang Berusaha Dr.,

3. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa IAB Cawangan Genting Highlands merupakan kampus yang mula-mula sekali beroperasi sebagai kampus utama IAB sebelum wujudnya Kampus Induk di Bandar Enstek, Kampus Cawangan Utara, Kampus Cawangan Sabah dan Kampus Cawangan Sarawak. Kewujudan kampus ini mempunyai sejarah yang panjang dan telah mewarnai dunia pendidikan negara kita sejak lebih dua dekad yang lalu.

4. Penubuhan IAB di Genting Highlands berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 pada bulan Mac tahun yang sama dengan nama ***Malaysia Educational Staff Training Institute*** atau **MESTI** yang berfungsi sebagai pusat latihan pegawai-pegawai pendidikan. Pada waktu itu, ia berada di bawah Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan Malaysia

dan beroperasi di kampus asal di Jalan Pahang, Kuala Lumpur.

5. **MESTI** kemudianya ditukar namanya kepada **Institut Pemimpin Pendidikan Malaysia** (IPPN) pada tahun 1985 selaras dengan perkembangan semasa dan perpindahan operasinya ke kampus sekarang iaitu di satu kawasan seluas 48.6 hektar di Genting Highlands.

6. Pada 14 Mac 1988, YB Menteri Pendidikan waktu itu telah mengisytiharkan nama baharu IPPN sebagai Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagaimana yang kita kenali pada hari ini bagi mengenang jasa Allahyarham Aminuddin Baki yang telah menjadi Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

Yang Berusaha Dr.,

7. Sebagaimana yang Yang Berusaha Dr. sedia maklum bahawa IAB Cawangan Genting Highlands mengandungi satu blok pentadbiran lapan tingkat yang dinamakan Blok Menara, Blok latihan empat tingkat, sebuah auditorium, sebuah dewan besar, sebuah **ampi teater** dan sebuah kafe. IAB Cawangan Genting Highlands juga memiliki dua jenis asrama iaitu Asrama Induk yang mengandungi **400** buah bilik penginapan dan Asrama Eksekutif yang mengandungi **90** buah bilik. Selain itu, terdapat dua jenis kuarters untuk staf iaitu kuarters yang lama dan kuarters yang baharu. Terdapat juga sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Sri Layang dan sebuah sekolah menengah

iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Layang di dalam premis IAB Cawangan Genting Highlands.

8. Kini, sebagaimana yang kita semua maklum, status IAB Cawangan Genting Highlands berubah daripada kampus induk menjadi kampus cawangan apabila fungsi asalnya kini diambil alih oleh IAB Kampus Induk, Bandar Enstek. Walaupun statusnya telah berubah, namun ia tetap memainkan peranannya sebagai pusat pembangunan profesionalisme dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan di Malaysia.

9. Untuk makluman Yang Berusaha Dr., pada hari ini terdapat seramai **149** orang staf di cawangan ini. Daripada jumlah itu, seramai **82** orang adalah pensyarah manakala **67** orang adalah staf pelaksana. Dalam kalangan pensyarah tersebut, dua (2) orang daripadanya merupakan pensyarah cemerlang yang berada pada gred DG52 dan gred DG54 serta seorang pegawai cemerlang gred DG54.

10. Terdapat enam belas (16) jabatan di IAB Cawangan Genting Highlands yang masing-masingnya dipimpin oleh seorang Ketua Jabatan gred DG48.

Yang Berusaha Dr.

11. Walaupun status IAB Cawangan Genting Highlands bertukar menjadi cawangan sejak 1 Jun 2014, fungsi dan peranannya tetap sama. IAB Cawangan Genting Highlands terus melaksanakan program-program latihan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan untuk pemimpin-

pemimpin pendidikan di semua peringkat seperti sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia.

12. Pada tahun 2015, sebanyak **407** kursus, bengkel, bengkel kerja, seminar, latihan dan sebagainya yang telah didaftarkan dalam INSYST iaitu Sistem Bersepadu IAB. Manakala, pada tahun 2016 sebanyak **447** program yang telah didaftarkan. Namun, terdapat pengubahsuaian dari segi pelaksanaan program selaras dengan arahan mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan dan penajaran semula program IAB.

13. Pada tahun ini, IAB Cawangan Genting Highlands sedang melatih **259** graduan NPQEL kohort pertama bagi tahun 2016 yang dibahagikan kepada sembilan (9) kumpulan. Mereka telah memulakan latihan pada 11 Januari 2016 dan akan menamatkan latihan pada 10 Jun 2016 yang akan datang.

14. IAB Cawangan Genting Highlands juga telah diamanahkan untuk melaksanakan program latihan *continous professional development* di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (CPD PPPM) untuk kumpulan tertentu pemimpin sekolah dari semasa ke semasa. Kursus CPD yang dimaksudkan ialah Kursus Pembangunan Kepimpinan Sekolah (PkepS) serta kursus khas bagi pemimpin berprestasi rendah dan pemimpin berprestasi senderhana.

15. Begitu juga dengan program *Talent Pool* yang disasarkan kepada bakal pemimpin di PPD, JPN atau Bahagian KPM berpusat di IAB cawangan ini. IAB Cawangan Genting Highlands juga turut mengadakan kursus kewangan khusus bagi sekolah-sekolah yang telah menerima laporan audit berteguran.

16. Selain itu, IAB Cawangan Genting Highlands juga menerima tetamu dari luar negara yang hadir untuk mendapatkan latihan atau mengadakan lawatan penandaarasan. Antara program pengantarabangsaan yang pernah dijalankan di IAB Cawangan Genting Highlands bermula pada bulan Jun 2014 ialah:

- *Pre Council Meeting – UNESCO International Bureau of Education Council Group IV (Asia and The Pacific)* yang melibatkan enam (6) buah negara iaitu Nepal, Maldives, Fiji, Khazastan, Singapura dan Malaysia pada 11-13 Ogos 2014. Ini adalah satu aktiviti kerjasama di antara IAB dengan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (BDHA) yang berpusat di Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) KPM.
- *Malaysia Study Tour: Education and Literacy Department*, yang melibatkan seramai 35 orang pegawai dan pemimpin sekolah wilayah Sind, Pakistan pada 22 Ogos dan 14 September 2014; dan
- *Malaysia-Singapore School Leadership Dialogue* pada 27 hingga 31 Oktober 2014 yang melibatkan

seramai sembilan (9) orang peserta dari negara Singapura dan sembilan (9) orang dari Malaysia.

17. Pada tahun 2015 pula, IAB Cawangan Genting Highlands telah melaksanakan aktiviti berikut:

- Program kerjasama dengan British Council Kuala Lumpur iaitu *IAB-British Council (BC) Capacity Building* dari 4 hingga 6 Februari 2015, *IAB-BC School Leadership Training (Connecting Classroom)* bagi zon utara, selatan dan Sarawak pada 24 dan 26 Februari 2015.
- Program terbesar yang dianjurkan secara bersama oleh IAB dan British Council ialah *IAB-BC International Conference on School Leadership in the 21st Century* dari 27 hingga 29 Mei 2015. Persidangan ini telah melibatkan lebih daripada 300 orang peserta dari dalam dan luar negara.
- Bengkel *Leadership in Coaching and Mentoring* Pelajar Pascasiswazah Kepimpinan Pendidikan Universitas Negeri Semarang (UNNES), Semarang, Jawa Timur, Indonesia dari 8 hingga 10 September 2015.

18. Pada tahun 2016, IAB Cawangan Genting Highlands telah menerima kunjungan oleh seramai 31 orang pemimpin dan staf Balai Didik dan Latih (DIKLAT) Surabaya pada 22 Feb. 2016 yang lalu.

19. Untuk makluman Yang Berusaha Dr., sekarang sedang berjalan Bengkel *Educational Leadership and Management Course for Sudan School Principals 2016* dari 23 hingga 27 Mei 2016 yang melibatkan seramai tujuh (7) orang pengetua.

Yang Berusaha Dr.,

20. IAB Cawangan Genting Highlands juga menjadi *venue* bagi program anjuran bahagian-bahagian lain di KPM. Contohnya, pada 1 hingga 3 Mac 2016 yang lalu, satu persidangan antarabangsa anjuran Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) KPM iaitu *Country-Level Workshop In Malaysia On Sea-TVET Harmonisation And Mobility* telah diadakan. Persidangan ini melibatkan lebih daripada 150 orang peserta tempatan dan antarabangsa.

21. Untuk makluman Yang Berusahan Dr. juga, IAB Cawangan Genting Highlands kerap menerima permohonan daripada agensi dan kementerian lain untuk menggunakan premis ini. Antara yang paling kerap menggunakan premis ini ialah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kita juga sentiasa memberi ruang kepada Bahagian-bahagian KPM untuk menggunakan premis kita kecuali jika tiada kekosongan bilik penginapan dan bilik kuliah. Berdasarkan rekod terkini, terdapat lebih daripada 80 kali agensi luar KPM yang menggunakan premis IAB Cawangan Genting Highlands atas prinsip 1MTC atau *One Malaysia Training Centre*.

22. Pada prinsipnya, kita mengutamakan program utama KPM dan IAB seperti *National Professional Qualification for Educational Leaders* (NPQEL), Program Sekolah Transformasi dan sebagainya. Jika ada kekosongan tempat, barulah kita menerima dan meluluskan permohonan daripada pihak luar untuk menggunakan premis kita.

Yang Berusaha Dr.,

23. Saya mewakili seluruh warga IAB Cawangan Genting Highlands berikrar akan terus memberikan komitmen yang jitu demi kemajuan pendidikan di Malaysia. Kami akan meneruskan tugas dan tanggungjawab kami dalam memberikan latihan yang diperlukan oleh pemimpin-pemimpin pendidikan di samping menjadi *think tank* kepada KPM apabila diperlukan.

24. Sebagai penjawat awam, kami juga akan terus mematuhi segala peraturan dan arahan yang keluarkan dari semasa ke semasa berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab kami.

## **PENUTUP**

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan alu-aluan ini, saya bagi pihak seluruh warga IAB Cawangan Genting Highlands sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Yang Berusaha Dr. ke IAB Cawangan Genting Highlands. Kami

berharap semoga kunjungan Yang Berusaha Dr. pada hari ini akan menjadi penyuntik semangat kepada kami untuk terus berusaha dengan gigih demi memartabatkan IAB sebagai sebuah institusi latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang terbilang.

26. Kami yakin dan percaya bahawa Yang Berusaha Dr. berkeupayaan untuk memimpin IAB ke mercu kejayaan selaras dengan konsep *premier centre* yang menjadi tonggak IAB selama ini.

27. Akhir kata, saya sudahi ucapan alu-aluan ini dengan lafaz yang mulia, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullah hi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.